

# flis

## Info Muflis

■ Perintah Penghukuman yang dibuat di Mahkamah Tinggi terhadap penghutang atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000

■ Kegagalan pembayaran balik hutang, pemiutang akan memfailkan petisyen kepada mahkamah dengan syarat hutang tidak kurang daripada RM30,000 kerana jika di bawah nilai itu, kes berkenaan tidak boleh diisytiharkan muflis.

**Seseorang itu boleh diisytiharkan muflis apabila gagal:**

- Menjelaskan pinjaman orang perseorangan
- Sewa beli kenderaan
- Pinjaman peribadi atau perumahan
- Menjadi penjamin sosial
- Kakitangan Kerajaan Kumpulan A yang menjadi penjamin tetapi si peminjam gagal membayar hutang
- Pinjaman pelajaran
- Hutang kad kredit
- Hutang cukai pendapatan

Gara-gara suka berbelanja melebihi pendapatan sebenar

Kosmo 12/16/2011 MS 2.

# 45,000 orang muda mu

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB  
yunus.yakkub@kosmo.com.my

**SUBANG JAYA** – Hampir 45,000 individu yang berumur di bawah 35 tahun di negara ini diisytiharkan muflis sejak tiga tahun lalu berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvency Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, secara purata 41 individu muflis setiap hari akibat kegagalan menjelaskan bebanan bayaran kad kredit, yuran perubatan, sewa beli dan hu-

tang ah long.

Perkara tersebut diakui sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Paul Selvaraj (gambar kecil).

Menurut beliau, kajian awal yang dilakukan oleh FOMCA terhadap 100 individu mendapati golongan tersebut menghabiskan sebanyak 30 peratus daripada gaji mereka untuk membayar hutang-hutang yang tertunggak setiap bulan.

“Biarpun mereka bergaji lingkungan RM3,000 sebulan, jumlah pembayaran sebanyak 30 peratus adalah tinggi khususnya dalam menampung kos hidup.

“Jumlah tersebut juga dijangka meningkat sekiranya gaya hidup, sikap dan tingkah laku golongan terbabit yang lebih berminat untuk berbelanja berbanding menyimpan tidak berubah,” katanya.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut sama ada golongan muflis tersebut terdiri daripada golongan penjawat awam atau swasta.

Beliau yang juga Naib Presiden Era Consumer berkata demikian selepas melancarkan program Ringgit Pertama Saya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Paul berkata, se-



**KEBANJIRAN** kompleks beli-belah menjadi tarikan kepada orang ramai untuk berbelanja melebihi kemampuan. – Gambar hiasan

**Golongan muflis menghabiskan 30 peratus pendapatan untuk bayar hutang**

**PAUL SELVARAJ**

makin ramai golongan yang berdepan masalah apabila 50 peratus daripada mereka yang mendapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada tahun ini berumur di bawah 40 tahun.

“Daripada jumlah tersebut, rata-rata yang hadir mendapatkan bantuan daripada AKPK melibatkan kad kredit.

“Selebihnya adalah disebabkan masalah sewa beli dan yuran perubatan,” katanya.

## Apa kata mereka

Berbelanjalah dengan cara yang berhemah dan jangan menyiksa diri dengan berhutang

**MOHD. FAIZAL BAENG, 36**  
Guru



Kita mungkin memerlukan wang dalam waktu yang terdesak, sebab itu kena buat tabungan

**SYAHARUL AKMAL MAELAH, 32,**  
Jurutera

